

**CONTOH SOALAN – SOALAN PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL**  
**SET 3/2015**

- 1 \_\_\_\_\_ adalah suatu kontrak di mana syarikat insurans, sebagai balasan kepada premium bersetuju untuk membayar kepada yang diinsuranskan, sejumlah wang, apabila berlaku peristiwa tertentu dalam tempoh tertentu
- A Perlindungan  
B Indemniti  
**C Insurans**  
D Jaminan
- 2 Berikut adalah standard minimum yang ditetapkan didalam Garis Panduan mengenai Perniagaan Takaful Perubatan dan Kesihatan:
- I Memenuhi keperluan individu untuk mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan swasta dengan cara yang manusabah dari skop komersial untuk kebanyakan penduduk  
II Menetapkan tahap pelindungan yang bersesuaian untuk peserta  
III Memastikan perniagaan yang mampan melalui dasar penentuan harga dan pengunderitan yang kukuh  
IV Menggalakkan persaingan sihat dalam industri untuk membolehkan penduduk umum mendapat pelbagai pilihan yang berpatutan dengan Perlindungan Takaful Kesihatan dan Perubatan  
V Memastikan kecekapan Pentadbir Pihak Ketiga (TPA)
- A I dan II  
B I, II dan III  
**C I, II, III dan IV**  
D Semua di atas
- 3 Setelah analisis maklumat lengkap, pengunderait pada dasarnya mempunyai pilihan seperti berikut:
- I Menerima permohonan  
II Meluluskan permohonan dengan syarat – syarat yang dilampirkan  
III Menolak permohonan  
IV Menawarkan produk lain kepada pelanggan
- A I dan II sahaja  
B I, II dan III  
C II, III dan IV  
**D Semua di atas**
- 4 \_\_\_\_\_ adalah konsep perkongsian antara Pengendali Takaful dan peserta bilamana perbelanjaan yang dilindungi melebihi jumlah Deduktibel. Peruntukan ini kerap ditemui dalam sijil takaful kesihatan dan perubatan.
- A Tabarru'  
**B Takaful Bersama**  
C Lebihan  
D Penambahan
- 5 Definisi takaful “Takaful bermaksud suatu skim yang berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan bantuan kewangan bersama dan bantuan kepada peserta apabila timbul keperluan di mana peserta bersetuju untuk bersama menyumbang bagi maksud itu” dijumpai dalam:

**A Akta Takaful 1984**

- B Akta Takaful 2007
- C Standard AAOFI
- D Draf Pendedahan Takaful IFSB

**6 Yang manakah di antara berikut adalah elemen – elemen ‘Muamalat’:**

- I Pihak di dalam kontrak
  - II Bentuk kontrak termasuk ijab dan qabul (tawaran dan penerimaan)
  - III Perkara pokok kontrak
  - IV Tujuan dan niat semua pihak
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**7 Semua pengantara takaful professional seperti ejen, broker atau penasihat kewangan mestilah seorang yang berkelayakan dan memiliki ciri – ciri berikut:**

- I Memastikan dan memahami apa yang pelanggan kehendaki dansertai
  - II Memiliki pengetahuan yang menyeluruh tentang insurans dan/atau produk takaful
  - III Memahami keperluan dan kepentingan pelanggan anda
  - IV Tidak membuat janji palsu atau menggunakan teknik jualan paksa
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**8 Untuk membolehkan dilindungi oleh takaful, kepentingan boleh lindung mesti memenuhi syarat – syarat berikut:**

- I Mampu diukur atau dinilai dari segi kewangan
  - II Kerugian kewangan yang dialami akibat tindakan undang – undang atas liabiliti
  - III Kontrak yang mana satu pihak adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta dan liabiliti pihak ketiga
  - IV Perhubungan kewangan yang diiktiraf di sisi undang – undang diantara peserta dan perkara dimaksudkan didalam takaful
- A I, II dan III
  - B II, III dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas

**9 Yang manakah di antara berikut adalah ciri – ciri risiko boleh dilindungi?**

- I Spekulatif
  - II Nilai kewangan
  - III Pendedahan yang sama jelas
  - IV Secara kebetulan
- A I dan II
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**10 Pengendali takaful yang melancarkan produk takaful perubatan dan kesihatan yang baru mestilah mendaftarkan sijil aktuari tersebut dengan Bank Negara Malaysia sekurang – kurangnya \_\_\_\_\_ hari sebelum produk dilancarkan**

- A 31
- B 30**
- C 60
- D 90

**11 Jawatankuasa Penasihat Syariah pengendali takaful mempunyai tanggungjawab berikut KECUALI**

- A Melaksanakan pelaksanaan audit pematuhan Syariah
- B Menasihati Lembaga Pengarah mengenai perkara – perkara Syariah dalam operasi perniagaan
- C Memberi pendapat bertulis Syariah
- D Untuk menyokong dan mengesahkan dokumentasi yang relevan yang berkaitan dengan produk**

**12 Berapa lama pengendali takaful mesti menyimpan daftar tuntutan?**

- A Kurang dari 5 tahun
- B 5 hingga 7 tahun
- C Sehingga tuntutan diluluskan oleh pengendali takaful
- D Sehingga urusan tuntutan selesai**

**13 Kenyataan berikut yang manakah menerangkan pengendali takaful berhak menolak tuntutan?**

- I Kerugian yang dilaporkan tidak wujud
  - II Kerugian atau kerosakan disebabkan peril yang tidak dilindungi didalam sijil takaful
  - III Kerugian atau kerosakan adalah disebabkan peril yang dikecualikan
  - IV Sijil takaful dalam keadaan batal disebabkan perlanggaran syarat
- A I dan II
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas**

**14 Antara pernyataan berikut, yang manakah BUKAN syarat – syarat yang perlu ada dalam prinsip sumbangan (principle of contribution)?**

- A Sijil mesti melindungi kepentingan yang sama
- B Sijil mesti berkenaan perkara pokok yang sama
- C Dua (2) atau lebih sijil melindungi peserta yang berbeza**
- D Sijil mesti melindungi peril yang sama

**15 Asas bagi sistem Takaful berpusat kepada konsep:**

- A Kerjasama, keprihatinan dan memberi bantuan kepada kedua – dua peserta dan bukan peserta
- B Kerjasama, jaminan, perlindungan dan bantuan bersama di kalangan peserta**
- C Konsep mudah dan mengharapkan bantuan daripada masyarakat
- D Keutamaan kepada kesihatan, umur dan tahap pendidikan para peserta

**16 Apakah ciri – ciri yang perlu ada pada ejen takaful?**

- I Pengetahuan yang mendalam mengenai produk takaful
- II Menjelaskan fakta, bukan memaksa atau mengugut
- III Tidak mengamalkan jualan paksa atau membuat bermacam – macam janji
- IV Memberi perkhidmatan berkualiti dan menepati masa

- A I dan II
- B II dan III
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

17 Tidak ada kewajipan untuk mendedahkan di mana:

- I Fakta mengurangkan risiko kepada pengendali takaful
- II Fakta yang diketahui umum
- III Fakta diketahui oleh pengendali takaful atau sepatutnya diketahui dalam pengurusan biasa perniagaan mereka
- IV Pengendali takaful telah mengetepikan apa – apa keperluan untuk pendedahan
  - A I dan II
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

18 Dari segi perniagaan, Gharar boleh digambarkan sebagai \_\_\_\_\_

- A Mendapat pulangan daripada pelaburan yang dibuat
- B Menerima sesuatu yang terlalu mudah atau mendapat keuntungan tanpa perlu berusaha
- C Melabur dalam instrumen pelaburan berdasarkan riba
- D Untuk mengambil apa – apa secara membuta tuli tanpa pengetahuan yang mencukupi

19 Tempoh masa tertentu dari tarikh sijil dikeluarkan dimana tiada perlindungan terhadap penyakit adalah dipanggil:

- A Tempoh menunggu
- B Tempoh kemasukan
- C Tempoh pegangan
- D Tempoh Aktif

20 Sebahagian daripada sumbangan itu akan dikumpulkan di bawah satu dana (Akaun Khas Peserta atau AKP) di bawah konsep tabarru' (derma). Tujuan dana ini adalah untuk \_\_\_\_\_

- A Memenuhi kewajipan bantuan bersama, sekiranya mana – mana peserta menghadapi nasib malang
- B Memenuhi tanggungjawab pengendali takaful di mana ia akan bertindak sebagai dana kontijensi
- C Memenuhi tanggungjawab pengendali takaful untuk membayar fi wakalah apabila diperlukan
- D Memenuhi keperluan pengendali takaful untuk melabur dana tersebut bagi pihak peserta

21 Dalam perniagaan takaful, kerugian ditanggung oleh \_\_\_\_\_

- A Peserta takaful
- B Pengendali saham
- C Pemegang saham
- D Broker

22 Yang manakah di antara kenyataan berikut TIDAK benar mengenai risiko?

- A Risiko ialah kemungkinan berlaku sesuatu kejadian yang tidak menguntungkan
- B Secara umumnya risiko bermaksud kemungkinan berlaku kecederaan, kerosakan atau kerugian
- C Sebarang bentuk risiko boleh dilindungi dengan syarat premiumnya dibayar

- D Risiko secara umumnya berkaitan dengan sesuatu akibat/peristiwa yang tidak menguntungkan atau peristiwa malang, manakala peluang adalah sesuatu yang berkaitan dengan keputusan yang menguntungkan

23 Yang manakah di antara berikut BUKAN peril?

- A Gempa Bumi  
B Kebakaran Hutan  
C Tsunami  
**D Muatan Berlebihan**

24 \_\_\_\_\_ merujuk kepada perjanjian di antara usahawan dan pemodal di dalam usaha perniagaan untuk berkongsi keuntungan berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. Kerugian akan ditanggung oleh pemodal.

- A Kafalah  
B Mudharabah  
**C Musharakah**  
D Wakalah

25 Pengurus risiko akan menggunakan pelbagai kaedah untuk mengenal pasti risiko. Kaedah – kaedah berikut biasanya digunakan, KECUALI:

- A Pemeriksaan fizikal  
**B Carta organisasi**  
C Soal selidik  
D Senarai semak

26 Isitilah Takaful berasal dari Kafala perkataan Arab yang membawa maksud \_\_\_\_\_

- A Untuk menjaga atau menjamin  
B Untuk memberi pampasan  
C Untuk bekerjasama  
D Untuk membayar

27 Takaful semula fakultatif ialah \_\_\_\_\_

- A Terdapatnya perjanjian takaful semula terlebih dahulu sebelum sesuatu risiko individu itu diinsuranskan semula  
**B Mengatur urusan takaful semula berdasarkan kes demi kes**  
C Satu – satunya pilihan yang ada apabila maklumat pengunderaitan adalah terhad  
D Satu – satunya bentuk program takaful semula yang disediakan untuk risiko kenderaan bermotor

28 Kegagalan untuk melaporkan ke Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai dokumen sijil boleh menyebabkan Pengendali Takaful didenda sehingga \_\_\_\_\_ bagi setiap kesalahan.

- A RM1,000  
**B RM4,000**  
C RM5,000  
D RM10,000

29 Apa yang dimaksudkan dengan ‘tempoh bertengang’ dalam pelan takaful keluarga?

- A Tempoh dimana peserta berhak untuk membuat keputusan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan pelan takaful yang disertainya  
B Tempoh dimana peserta perlu membuat bayaran sumbangan  
C Tempoh dimana pengendali takaful membuat bayaran balik sumbangan peserta

- D Tempoh dimana peserta boleh membuat keputusan untuk bertukar kepada pelan yang lain

**30 Di bawah pelan takaful keluarga, jadual kemortalan digunakan untuk:**

- A Mengira rizab tuntutan  
B Melaporkannya ke Bank Negara Malaysia  
C Memilih program takaful semula yang paling sesuai  
**D Mengira kadar sumbangan**

**31 Apakah yang dimaksudkan dengan surplus/lebihan dana?**

- A Perbezaan diantara nilai aset dengan nilai laibiliti  
B Keuntungan dana risiko  
C Perbezaan di antara pendapatan dan perbelanjaan dana risiko  
D Perbezaan nilai pada awal tahun dan penghujung tahun

**32 Bagaimana seorang pelabur boleh mengurangkan risiko pasaran?**

- A Dengan mempelbagaikan dana  
B Dengan melantik pengurus dana yang berpengalaman  
C Dengan melantik penasihat Syariah yang berpengalaman  
D Melalui kajian secara berkala mengenai pelaburan oleh Jabatan Pematuhan Syariah (SCD) dan Jawatankuasa Syariah

**33 Sijil takaful berkaitan pelaburan perlu mempunyai peruntukan “free look’ atau tempoh bertengang selama sekurang – kurangnya:**

- A 10 hari  
**B 15 hari**  
C 30 hari  
D 45 hari

**34 Sijil yang telah luput boleh dikuatkuasakan semula apabila syarat – syarat berikut dipenuhi:**

- I Bukti kesihatan yang kekal memuaskan  
II Membayar amaun sumbangan yang bertunggak  
III Penyelesaian tuntutan kematangan  
IV Mendapat pengesahan dari segi ejen takaful yang berkenaan

- A I dan II**  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

**35 Yang manakah di antara berikut adalah yang PALING sesuai untuk dilindungi oleh Takaful?**

- A Pengucupan kredit  
B Pengangguran  
**C Kebakaran**  
D Kerugian pelaburan

**36 Pada asasnya terdapat DUA (2) kelas takaful semula iaitu fakultatif dan triti. Yang manakah antara berikut adalah takaful fakultatif:**

- I Triti Surplus/Lebihan  
II Kongsi Kuota

- III Lebihan Kerugian
- IV Kerugian Tersukat

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, III and IV
- D Semua di atas

37 Pelaburan yang dibuat oleh pengendali takaful daripada sumbangan yang diterima, selepas ditolak peruntukan bayaran tuntutan dan lain – lain perbelanjaan, dikenali sebagai

- A Nilai buku
- B Surplus/Lebihan
- C Aset
- D Liabiliti

38 Yang manakah di antara skim perlindungan takaful berikut menawarkan perlindungan untuk mengelakkan kehilangan rumah kediaman sekiranya pemunya/pencari nafkah keluarga berkenaan meninggal dunia?

- A Takaful Gadaijanji
- B Takaful Pembayaran
- C Takaful Pendidikan
- D Takaful Empunya Rumah

39 \_\_\_\_\_ adalah satu perjanjian yang sah di sisi undang – undang antara pihak yang berkenaan.

- A Kontrak
- B Surat probet
- C Penyelesaian tuntutan
- D Bukti umur

40 Susunkan jenis – jenis pelaburan berikut mengikut tahap risiko yang paling rendah kepada tahap risiko yang paling tinggi:

- I Tunai dan deposit
- II Derivatif
- III Sukuk
- IV Saham opsyen

- A I, III, IV dan II
- B I, IV, III dan II
- C I, II, III dan IV
- D I, IV, II dan III

41 Bahagian lebihan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen adalah dalam jajaran \_\_\_\_\_

- A 10% - 15%
- B 10% - 20%
- C 10% - 25%
- D 15% - 25%

42 Berapakah manfaat kematian minimum bagi pelan takaful berkaitan pelaburan sumbangan tunggal untuk umur yang tetap?

- A RM5,000 atau 125% dari jumlah sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi
- B RM3,000 atau 115% dari jumlah sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi

- C RM5,000 atau 125% dari jumlah sumbangan tunggal, yang mana lebih rendah  
D RM5,000 atau 105% dari jumlah sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi

**43 Dalam takaful semula triti, semua bentuk risiko dipersetujui dalam kontrak adalah**

- 
- A Dinilai dan ditawarkan berdasarkan kes  
B Ditawarkan semula selepas penilaian yang teliti oleh pengendali takaful lain  
**C Diterima secara automatik oleh pengendali takaful semula**  
D Dicadangkan sebagai pilihan elektif bersama produk – produk lain

**44 Faedah utama takaful semula adalah:**

- I Membolehkan pengagihan risiko yang lebih luas  
II Kelebihan kewangan melalui kesamarataan  
III Berperanan menyumbang kearah mengurangkan beban kewangan dana takaful  
IV Memanfaatkan sepenuhnya kelebihan peraturan bilangan jumlah besar
- A I dan II  
B I, II dan III  
C I, III dan IV  
**D Semua di atas**

**45 Bilakah kepentingan boleh Takaful MESTI wujud di dalam Takaful Kargo Marin?**

- A **Pada masa kerugian**  
B Sebelum kapal belayar  
C Pada masa yang melaksanakan kontrak Takaful  
D Pada permulaan kontrak dan pada masa kerugian

**46 Apakah had bidang kuasa Biro Perantara Kewangan (Financial Mediation Bureau – FMB) untuk tuntutan takaful motor?**

- A RM250,000  
**B RM200,000**  
C RM100,000  
D RM50,000

**47 Apabila berlaku kejatuhan pasaran, dana manakah yang akan mengalami kejatuhan yang paling besar?**

- A Dana yang sebahagian besar modalnya dilaburkan dalam instrument tunai seperti Akaun Pelaburan dan Sukuk Kerajaan  
**B Dana yang dilaburkan dalam pasaran ekuiti di dalam dan di luar Negara**  
C Dana yang dilaburkan dalam pasaran hartanah di luar Negara, REIT dan saham pertumbuhan  
D Dana yang dilaburkan dalam dana terimbang dan sukuk

**48 Yang manakah diantara kenyataan berikut adalah BENAR mengenai pelaburan hartanah?**

- A Ia memberikan peningkatan modal yang memuaskan dan aliran dividen yang stabil  
B Ia memberikan sumber dividen yang memuaskan dan aliran pendapatan yang stabil  
**C Ia memberikan peningkatan modal yang memuaskan dan aliran pendapatan yang stabil**  
D Ia memberikan peningkatan modal yang memuaskan dan aliran pendapatan yang dijamin

**49 Dibawah takaful keluarga, kepentingan yang dibenarkan hanya perlu wujud**

- A Ketika membuat tuntutan  
B Ketika penyerahan sijil
-

- C Ketika perlindungan mula berkuatkuasa  
D Ketika membuat pertukaran nama waris
- 50 Sumbangan takaful dikira berdasarkan dari pelbagai faktor. Antara prinsip – prinsip utamanya ialah:**
- I Kemortalan  
II Perbelanjaan  
III Kadar pulangan pelaburan  
IV Cukai
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
**D Semua di atas**
- 51 Penyata yang diedarkan kepada setiap peserta mengenai status sijil berkaitan pelaburan mestilah mengandungi maklumat – maklumat berikut:**
- I Satu ringkasan penyata kewangan yang telah diaudit mengenai dana  
II Analisa trend perniagaan tidak kurang daripada lima (5) tahun, jika ada, mengenai pulangan pelaburan bersih dana  
III Komposisi dan senarai pelaburan yang dipegang oleh dana sehingga pada tarikh penyata laporan  
IV Sebarang caj yang dikenakan terhadap dana berkenaan pada tahun penyata laporan
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C II, III dan IV  
**D Kesemua di atas**
- 52 Yang manakah di antara skim takaful berikut menyediakan perlindungan dan simpanan jangka panjang kepada peserta**
- A Takaful Am  
**B Takaful Keluarga**  
C Takaful Semula  
D Takaful Bersama
- 53 Yang manakah diantara berikut merupakan contoh perbelanjaan pembaharuan**
- A Kos pengiklanan  
B Kos pemeriksaan kesihatan  
**C Komisen pembaharuan**  
D Perbelanjaan guaman
- 54 Bilangan unit di bawah kaedah penetapan harga tunggal untuk sijil takaful berkaitan pelaburan sumbangan tunggal adalah 3,800 dengan jumlah perlindungan sebanyak RM5,000. Harga tawaran ketika pemilik sijil membayar sumbangan ialah RM1.00. Harga unit semasa berlaku kematian terhadap pemilik sijil ialah RM1.22. Di bawah manfaat nilai unit dicampur dengan jumlah perlindungan manfaat kematian, ini akan menjadikan manfaat kematian sebanyak:**
- A RM9,636**  
B RM8,800  
C RM5,000  
D RM4,636

**55** Encik Ahmad bukanlah seorang yang gemar mengambil risiko. Dia mahu mempunyai pendapatan tetap dan berterusan untuk tempoh 10 tahun akan datang. Di manakah sepatutnya Encik Ahmad perlu melaburkan wangnya

- I Dalam unit amanah dan produk berkaitan pelaburan yang lebih bertumpu kepada sukuk
  - II Dalam dana yang banyak melabur dalam saham mewah
  - III Dalam dana yang sebahagian besarnya dilaburkan dalam sekuriti kerajaan
  - IV Dalam dana yang sebahagian besarnya dilaburkan dalam saham pertumbuhan tinggi
- A I, II dan III
  - B I dan II
  - C I, III dan IV
  - D III dan IV

**56** Yang manakah diantara berikut merupakan ciri – ciri asas objektif pelaburan?

- A Pendapatan
- B Perlindungan
- C Spekulasi
- D Perjudian

**57** Maklumat penting yang diperlukan untuk melakukan penilaian risiko biasanya diperolehi daripada pelbagai sumber. Bukti – bukti berikut adalah antara sumber yang diperlukan, KECUALI:

- A Borang cadangan
- B Laporan perubatan X – Ray, ECG dan sebagainya
- C Slip gaji
- D Borang Carian Fakta

**58** Yang manakah di antara pelan berikut merupakan kontrak asas takaful keluarga?

- A Pelan Endowmen
- B Takaful Motor
- C Takaful Pembedahan dan Penghospitalan
- D Takaful Rider

**59** Antara faktor – faktor lain, sumbangan yang dikenakan di bawah sijil takaful keluarga biasanya berbeza mengikut:

- A Umur, jantina dan bilangan anak – anak dibawah tanggungan pencadang
- B Keadaan kesihatan dan kedudukan kewangan pencadang
- C Umur dan jantina pencadang, jenis sijil takaful yang dikehendaki dan jumlah perlindungan
- D Tempoh perlindungan, cara bayaran sumbangan dan persekitaran sosial pencadang

**60** Yang manakah di antara kenyataan berikut **TIDAK BENAR** mengenai penyerahan hak sijil takaful?

- A Terdapat dua bentuk penyerahan hak iaitu penyerahan hak mutlak dan penyerahan bersyarat
- B Penyerahan hak hendaklah dibuat secara bertulis
- C Penyerahan hak perlu disahkan oleh ejen takaful
- D Penyerahan hak ialah perpindahan hak dan liabiliti sijil dari pemilik sijil kepada orang lain

**61** Penyerahan sijil takaful kepada pelanggan menyediakan peluang kepada ejen untuk melakukan perkara – perkara berikut?

- I Menyediakan asas untuk berhubung semula dengan pelanggan
- II Memperkuatkan hubungan dengan pelanggan
- III Memberikan penekanan terhadap komitmen yang berterusan oleh ejen takaful

IV Mendapatkan senarai nama rujukan pelanggan

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D **Se semua di atas**

**62 Apabila surat bebanan (loading) dikeluarkan oleh pengendali takaful, ia dianggap sebagai \_\_\_\_\_**

- A Suatu tawaran untuk peserta
- B Penolakan kepada peserta
- C **Tawaran balas kepada peserta**
- D Suatu perisyiharan bonus

**63 Yang manakah di antara manfaat – manfaat tambahan berikut boleh disertakan dalam sesuatu dana berkaitan pelaburan?**

- I Rider Penyakit Kritis
- II Rider Pembatalan Pembayaran
- III Rider Manfaat Perubatan
- IV Rider Holiday Planner

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C **I dan III**
- D II, III dan IV

**64 Peserta boleh meningkatkan skop perlindungan takaful di bawah sijil takaful keluarga sedia ada secara lebih berkesan dengan \_\_\_\_\_**

- A Menamakan pemegang amanah/wasi tambahan
- B Mengambil sijil tambahan
- C **Menambah rider**
- D Benefisiari tambahan

**65 Perlindungan yang disediakan oleh Jabatan Takaful Berkumpulan pengendali Takaful Keluarga TIDAK meliputi pelan berikut:**

- A Takaful Keluarga Bertempoh Berkumpulan
- B Takaful Kemalangan Diri Berkumpulan
- C **Takaful Isi Rumah Berkumpulan**
- D Takaful Kredit Berkumpulan

**66 Kesemua yang dinyatakan di bawah merupakan pengelasan risiko pengunderaitan, KECUALI**

- A Standard
- B Buruk
- C **Diutamakan**
- D Sub Standard

**67 Anti pemilihan merujuk kepada situasi:**

- A Lebih risiko standard diterima takaful menyebabkan hasil pengunderaitan tidak seperti dikehendaki
- B Lebih risiko sub - standard diterima takaful menyebabkan hasil pengunderaitan tidak seperti dikehendaki
- C **Lebih risiko standard diterima takaful menyebabkan hasil pengunderaitan seperti dikehendaki**

- D Lebih risiko sub - standard diterima takaful menyebabkan hasil pengunderaitan seperti dikehendaki

**68 Bank Negara Malaysia memainkan peranan penting dalam perkara – perkara berikut, KECUALI**

- A Memastikan bahawa pengendali takaful menjalankan operasi mereka dengan cara yang baik bagi memanfaatkan peserta  
B Memastikan operasi pengendali takaful adalah mematuhi Syariah  
C Menyemai keyakinan orang awam terhadap takaful dan sistem kewangan Islam secara keseluruhan  
**D Mencorakkan strategi serta perancangan perniagaan pengendali takaful**

**69 Jika sumbangan itu masih belum dijelaskan iaitu tidak dibayar dua hingga tiga minggu selepas tarikh matang pengendali takaful akan menghantar \_\_\_\_\_ kepada pemilik asal**

- A Notis Peringatan Sumbangan  
B Penyata Tertunggak  
C Notis Penamatan  
D Surat Tuntutan

**70 Pengunderaitan adalah proses**

- A Menyatakan kadar sumbangan dan terma dan mengeluarkan sijil  
**B Menilai dan memilih risiko dan menentukan sumbangan, terma dan syarat**  
C Menentukan kadar sumbangan sahaja  
D Penilaian kebarangkalian berlaku semula sesuatu penyakit

**71 Apakah manfaat kematian minimum bagi sumbangan tunggal pelan takaful berkaitan pelaburan**

- A RM5,000 atau 125% dari sumbangan, yang mana lebih tinggi  
B RM3,000 atau 125% dari sumbangan, yang mana lebih tinggi  
C RM5,000 atau 125% dari sumbangan, yang mana lebih rendah  
D RM7,500 atau 125% dari sumbangan, yang mana lebih tinggi

**72 Dana harta ialah \_\_\_\_\_**

- A Struktur pelaburan yang menjanjikan pertumbuhan iaitu peningkatan modal  
B Struktur pelaburan yang mampu menjana pendapatan yang maksimum  
C Struktur pelaburan yang menggabungkan pulangan peningkatan modal dan juga pendapatan  
**D Pelaburan dalam portfolio hartanah dan instrumen kewangan berkaitan hartanah bagi tujuan mendapatkan pulangan pelaburan**

**73 Yang manakah di antara situasi – situasi berikut BUKAN contoh risiko peribadi?**

- A Risiko kesihatan yang semakin buruk  
B Risiko kehilangan pekerjaan  
**C Risiko inflasi dalam negara**  
D Risiko simpanan tidak mencukupi ketika persaraan

**74 Diantara kenyataan berikut mengenai syarikat insurans, yang manakah TIDAK betul?**

- A Dengan pemindahan risiko, syarikat insurans mengelakkan ketakutan dan keimbangan kerugian pada perniagaan yang seterusnya membantu untuk mewujudkan keyakinan dan membolehkan mereka merancang kehadapan dalam aktiviti perniagaan mereka  
**B Penanggung Insurans berkongsi kerugian syarikat seterusnya membantu mereka memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan utama mereka**

- C Syarikat insurans mengumpul dana yang besar daripada premium yang dikutip dan dana ini biasanya dilaburkan dalam sektor awam dan swasta, dengan itu ia menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara keseluruhan
- D Syarikat – syarikat insurans telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan yang banyak di Malaysia

**75 Apakah konsep asas Ta'awun?**

- A Saling bermaafan
- B Saling memberi maklumat
- C **Saling membantu**
- D Saling mencintai

**76 Berikut yang manakah BUKAN objektif yang ditetapkan syarak dalam ilmu maqasid Shariah?**

- A Melindungi agama
- B Melindungi akal fikiran
- C Melindungi harta benda
- D **Melindungi pengetahuan**

**77 Yang manakah di antara berikut BUKAN manfaat takaful?**

- A **Ia membolehkan seseorang individu meraih keuntungan dari tuntutan takaful**
- B **Ia memenuhi tanggungjawab sosial terhadap keluarga**
- C **Ia memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat**
- D Menjauhi elemen – elemen yang dilarang dalam Syariah

**78 Yang manakah di antara berikut BENAR tentang Standard Minimum mengenai Pendedahan Maklumat dan Ketelusan dalam jualan pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan?**

- I Standard minimum adalah terpakai kepada semua jenis pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan individu termasuk rider Takaful Perubatan dan Kesihatan yang disertakan kepada Pelan Takaful Keluarga
  - II Bagi pelan takaful Perubatan dan Kesihatan Berkumpulan, pengendali takaful harus memastikan bahawa pendedahan dibuat kepada pemilik sijil induk
  - III Standard minimum hendaklah terpakai kepada semua saluran di mana pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan di edarkan
  - IV Bagi tujuan standard minimum ini bahan – bahan pemasaran merujuk kepada semua bahan – bahan promosi dan apa – apa bahan lain disediakan semasa pemasaran pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan
- A I, II dan IV
  - B I, II dan III
  - C I dan III
  - D **Se semua di atas**

**79 Kegagalan untuk mendedahkan fakta – fakta yang diketahui dikenali sebagai**

- A Penyamaran
- B Bahaya moral
- C Penipuan
- D **Penyembunyian**

**80 Apabila sesuatu sijil itu telah dikeluarkan, endorsement boleh dibuat atas sebab – sebab berikut iaitu:**

- I Meminda perkataan atau ayat dalam polisi, memasukkan manfaat tertentu atau mengenakan pembatasan atau sekatan
  - II Meminda amaun perlindungan atau kaedah bayaran
  - III Menguatkuasakan atau cara bayaran
  - IV Menukar perkara pokok insurans
- A II dan III  
B I, II dan III  
C I, III dan IV  
D Semua di atas

81 Yang manakah di antara faktor berikut akan meninggikan risiko Takaful Perubatan dan Kesihatan?

- I Umur
- II Pekerjaan
- III Faktor persekitaran
- IV Majikan

- A I dan II  
B II dan IV  
C I, II dan III  
D Semua di atas

82 Kadar mortaliti dan morbiditi secara amnya bertambah apabila \_\_\_\_\_

- A Umur populasi bertambah  
B Pendapatan populasi bertambah  
C Tempoh panjang diambil untuk sembah dari kemalangan  
D Kejatuhan ekonomi

83 Nota lindung dikeluarkan oleh syarikat insurans atau ejen yang diberi kuasa kerana sebab – sebab berikut, KECUALI

- A Untuk diberikan kepada pihak yang diinsuranskan sebagai bukti bertulis bahawa perlindungan insurans telah berkuat kuasa  
**B Untuk menyimpan rekod semua risiko yang ditanggung oleh penanggung insurans**  
C Polisi sebenar akan mengambil masa untuk disediakan dan oleh itu nota lindung ini boleh digunakan sebagai bukti perlindungan  
D Polisi sebenar mungkin mengambil masa untuk disiapkan kerana maklumat yang tidak lengkap

84 Bayaran atau fi kepada Wakalah diambil daripada \_\_\_\_\_

- A Akaun simpanan teknikal yang disediakan pengendali takaful  
B Dana pemegang saham  
C Keuntungan dari dana pelaburan  
**D Sumbangan takaful oleh peserta – peserta**

85 Apabila peserta telah menerima bayaran manfaat takaful sepenuhnya, kontrak takaful yang disertainya akan \_\_\_\_\_

- A Diperbaharui  
B Diganti  
**C Ditamatkan**  
D Dilanjutkan

86 Apabila pengantara menghubungi dan berjumpa dengan bakal pelanggan, ejen hendaklah:

- A Memperkenalkan diri dengan menunjukkan kad kuasa sebagai pengantara berdaftar
  - B Memberitahu pengendali takaful mengenainya
  - C Meminta dan mengutip bayaran sumbangan takaful
  - D Meminta pengendali takaful mengeluarkan sijil
- 87 Yang manakah di antara persatuan – persatuan TIDAK berkaitan dengan perniagaan insurans hayat dan/atau takaful keluarga?
- A NAMLIFA
  - B LIAM
  - C MTA
  - D PIAM
- 88 Untuk menjadi ejen Takaful, calon mesti memenuhi syarat – syarat berikut:
- A Mempunyai diploma dan bekerja secara sepenuh masa dengan mana – mana pengendali takaful
  - B Lulus Peperiksaan Asas Takaful dan berdaftar dengan Persatuan Takaful Malaysia
  - C Lulus Peperiksaan Asas Takaful dan berdaftar dengan Bank Negara Malaysia
  - D Berdaftar dengan Bank Negara Malaysia, pengendali takaful dan Persatuan Takaful Malaysia
- 89 Takrifan TERBAIK definisi Kepentingan Boleh Lindung adalah \_\_\_\_\_
- A Sebarang bentuk perhubungan berkenaan pencadang dengan perkara yang dimaksudkan
  - B Sebarang kemungkinan hubungan masa depan yang boleh terjadi diantara pencadang dan perkara yang dimaksudkan
  - C Sebarang minat yang diwujudkan oleh prospek yang menjurus kepada perkara yang dimaksudkan
  - D Apa – apa kepentingan kewangan yang sah dari segi undang – undang yang pencadang miliki berkenaan perkara yang dimaksudkan
- 90 Dalam masyarakat Melayu, tradisi ini telah lama diamalkan yang serupa dengan konsep takaful
- A Dana Mangsa Kebakaran
  - B Dana Manfaat Kematian (Khairat Kematian)
  - C Dana Bencana Alam
  - D Dana Kebuluran
- 91 Maklumat peribadi seperti nama, umur, pekerjaan, alamat peserta, tarikh matang sijil dan jumlah perlindungan dinyatakan di bahagian \_\_\_\_\_
- A Pendahuluan
  - B Jadual
  - C Pengenalan
  - D Penyaksian
- 92 Apakah yang dimaksudkan dengan rider?
- A Manfaat takaful ketika sijil matang
  - B Manfaat penghospitalan yang boleh dinikmati oleh peserta
  - C Suatu tambahan yang disertakan kepada sijil yang mengubahsuai syarat – syarat bagi meluaskan manfaat
  - D Syarat – syarat sijil yang menghendaki peserta menjalani pemeriksaan perubatan
- 93 Dalam pengunderitan borang cadangan, seseorang yang mempunyai berat badan berlebihan (obesiti) hendaklah dinilai dengan lebih teliti kerana beliau adalah antara

individu yang paling berkemungkinan untuk mengalami penyakit – penyakit berikut KECUALI:

- A Penyakit Jantung
- B Penyakit Darah Tinggi
- C Penyakit Kencing Manis
- D Demam

94 Yang manakah di antara mekanisma pelaburan berikut adalah bertujuan untuk memperolehi peningkatan modal?

- A Bon Korporat
- B Saham Utama
- C Opsyen
- D Dana Pertumbuhan

95 Suatu sijil takaful di mana nilai serahan digunakan sebagai bayaran sumbangan tunggal bagi menyediakan perlindungan dengan mengekalkan terma asal sijil tetapi bagi jumlah perlindungan yang dikurangkan dikenali sebagai \_\_\_\_\_

- A Sijil yang dilanjutkan
- B Sijil berbayar
- C Sijil bertempoh
- D Sijil yuran

96 Bagaimana risiko matawang dapat dikurangkan?

- I Dengan menghadkan pelaburan ke beberapa negara terpilih sahaja, dengan itu risiko matawang negara tertentu dapat diminimumkan
- II Melaksanakan program lindung nilai matawang
- III Melantik pengurus dana yang berpengalaman
- IV Semakan semula secara berkala ke atas status aset mematuhi Syariah dibawah portfolio

- A I
- B I dan II
- C II, III dan IV
- D Kesemua di atas

97 Ia adalah pelan perubatan dan kesihatan yang menyediakan perlindungan untuk kebanyakan jenis perbelanjaan perubatan. Ia adalah serupa dengan pelan asas penghospitalan dan pembedahan dengan mengenakan amaun deduktibel yang tinggi. Berdasarkan dari kenyataan yang diberikan di atas apakah nama pelan berkenaan?

- A Takaful Perubatan Utama Lebihan
- B Takaful Manfaat Tunai Penghospitalan
- C Takaful Perubatan Utama Tambahan
- D Takaful Perubatan Utama Komprehensif

98 Yang manakah di antara berikut BUKAN kontrak asas takaful keluarga?

- A Pelan endowmen
- B Takaful bertempoh
- C Takaful anuiti
- D Takaful liabiliti

99 Endorsemen boleh dibuat atas mana – mana sijil takaful atas sebab – sebab berikut, KECUALI

- A Menambah atau mengurang amaun ansuran atau sumbangan takaful

- B Perubahan tempoh takaful
- C Menyertakan manfaat tambahan
- D **Setelah sesuatu tuntutan dikemukakan**

**100 Kepelbagaiannya dalam pelaburan didefinisikan sebagai proses membuat pelaburan yang mengambil kira perkara – perkara berikut:**

- I Kelas aset
  - II Industri
  - III Negara
  - IV Pengurus dana
  - V Pengendali takaful
- 
- A I dan II
  - B **I, II dan III**
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas